

## Terma dan Syarat

### Kempen Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil ASB & Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam) Tempoh Kempen: 1 April 2022 sehingga 31 Mei 2022

**PERINGATAN: Pelanggan yang layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) dengan ini diingatkan untuk membaca dan memahami terma dan syarat dan sebarang terma dan syarat yang terkini boleh didapati melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my).** Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memahami mana-mana terma dan syarat yang ternyata di sini **atau sebarang terma dan syarat yang terkini**, Pelanggan yang Layak adalah dinasihatkan untuk membincang dengan mana-mana wakil Bank yang sah.

#### 1 Definisi

1.1 Untuk tujuan terma dan syarat ini, perkataan dan ungkapan yang berikut hendaklah mempunyai makna yang ditentukan baginya melainkan sekiranya konteks memerlukan sebaliknya;

“**Bank**” adalah merujuk kepada AmBank Islamic Berhad (199401009897) (295576-U) sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016) dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 22, Bangunan AmBank Group, No. 55 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

“**Hari**” bermaksud Isnin hingga Jumaat, dan apabila pejabat Bank yang berdaftar dibuka, kecuali dinyatakan sebaliknya.

“**Notis Terdahulu**” bermaksud notis oleh Bank mengenai fakta tertentu atau keadaan hal ehwal tertentu sekurang-kurangnya tiga (3) hari kalendar.

“**Kempen**” adalah merujuk kepada “Kempen Pembiayaan-i AmBank Islamic dan dapatkan eBaucar Shopee bernilai RM50” untuk Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB dan Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam) yang dianjurkan oleh Bank menurut terma dan syarat yang ditetapkan di sini.

Perkataan yang merujuk kepada orang hendaklah termasuk orang yang hidup dan, jika dan di mana berkaitan, badan atau orang yang diperbadankan atau tidak diperbadankan. Perkataan-perkataan yang merujuk kepada kata mufrad hendaklah juga termasuk bentuk jamak dan sebaliknya. Perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah termasuk jantina perempuan dan jantina neuter.

#### 2 Tempoh Kempen

2.1 Kempen akan **bermula pada 1 April 2022 dan berakhir pada 31 Mei 2022**, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”) atau apabila hadiah ganjaran ini telah dituntut sepenuhnya, yang mana terlebih dahulu atau tempoh yang ditentukan oleh Bank dengan member Notis Terdahulu.

#### 3 Kelayakan

3.1 Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB

Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB ditawarkan kepada mereka yang memenuhi syarat yang berikut;

- a. Individu Bumiputera Malaysia berumur 18 tahun hingga 70 tahun dengan bukti pendapatan; dan,
- b. Semua pelabur ASB yang layak di bawah garis panduan ASNB.

3.2 Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam)

Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam) ditawarkan kepada mereka yang memenuhi syarat yang berikut;

- a. Individu Malaysia berumur 18 tahun hingga 60 tahun dengan bukti pendapatan; dan,
- b. Kakitangan sektor awam melalui potongan gaji Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA).

#### 4 Mekanik Kempen

4.1 Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin Oleh Sijil ASB

- a. Jumlah pembiayaan melebihi RM100,000.
- b. Hanya pembiayaan yang diluluskan layak menerima eBaucar Shopee bernilai RM50 atas dasar yang terdahulu, diutamakan.

## Terma dan Syarat

### Kempen Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil ASB & Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam) Tempoh Kempen: 1 April 2022 sehingga 31 Mei 2022

- c. eBaucar ini terhad kepada 400 pemenang setiap bulan. Setiap pelanggan layak menerima satu e-baucar sahaja selama Tempoh Kempen.
- d. Tawaran ini hanya sah untuk pembiayaan yang disekalikan dengan Pengurangan Tempoh Takaful (RTT).
- e. Hanya borang permohonan yang diterima dalam tempoh kempen berpeluang menyertai kempen ini.

#### 4.2 Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam)

- a. Jumlah pembiayaan melebihi RM50,000.
- b. Hanya pembiayaan yang diluluskan layak menerima eBaucar Shopee bernilai RM50 atas dasar yang terdahulu, diutamakan.
- c. eBaucar ini terhad kepada 100 pemenang setiap bulan. Setiap pelanggan layak menerima satu e-baucar sahaja selama Tempoh Kempen.
- d. Tawaran ini hanya sah untuk pembiayaan yang disekalikan dengan Pengurangan Tempoh Takaful (RTT).
- e. Hanya borang permohonan yang diterima dalam tempoh kempen berpeluang menyertai kempen ini.

## 5 Hadiah

- 5.1 Hadiah didalam bentuk kod eBaucar akan dihantar melalui SMS ke nombor telefon bimbit yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan Pembiayaan-i AmBank Islamic dalam tempoh dua puluh satu hari bekerja (21) selepas bayaran kemudahan dibuat.
- 5.2 Hanya pembiayaan yang diluluskan layak menerima eBaucar Shopee bernilai RM50 atas dasar yang terdahulu, diutamakan.
- 5.3 Setiap pelanggan layak menerima satu e-baucar sahaja selama Tempoh Kempen.
- 5.4 Penggunaan eBaucar Shopee:
  - a. eBaucar sah sehingga 19 Julai 2022 11:59 p.m.
  - b. eBaucar sah untuk pengguna baharu & sedia ada.
  - c. eBaucar hanya sah untuk penggunaan sekali sahaja, tanpa mengira bilangan akaun yang dimiliki oleh pengguna.
  - d. eBaucar hanya boleh digunakan untuk *Shopee Mall* dan *Preferred Sellers* sahaja.
  - e. eBaucar tidak boleh dikembalikan, dipindah milik dan ditebus dengan wang tunai.
  - f. eBaucar tidak boleh digunapakai untuk tiket & baucar, tambah nilai mudah alih & kad SIM, tambah nilai, Milo S-Mart, Satu atau Bukan produk dari Shopee Store, produk MMA Foundation Store, produk shopeegivesback Store, kad Setel Fuel, kad Hadiah & E-Baucar.
  - g. Promo kod hanya boleh digunakan menerusi mobile aplikasi Shopee.
  - h. Tertakluk pada terma dan syarat Shopee. Untuk pertanyaan atau bantuan, sila hubungi Khidmat Pelanggan Shopee di talian +603-2777 9222.

## 6. Kehilangan Kelayakan

- 6.1 Bank berhak untuk membatalkan penyertaan atau tidak membenarkan mana-mana Pelanggan Layak daripada mengambil bahagian dalam Kempen ini sekiranya ia mendapati atau menentukan bahawa:
  - (a) Pelanggan yang Layak tersebut telah memberikan maklumat yang tidak benar atau bertindak menipu atau melakukan kesalahan dalam apa-apa cara semasa proses kemasukan atau di sepanjang Tempoh Kempen; atau
  - (b) Pelanggan yang Layak tersebut telah melanggar atau berpotensi melanggar terma dan syarat yang dinyatakan di dalam ini.

## Terma dan Syarat

### Kempen Pembiayaan Bertempoh-i Dijamin oleh Sijil ASB & Pembiayaan Peribadi-i (Sektor Awam) Tempoh Kempen: 1 April 2022 sehingga 31 Mei 2022

#### 7. Liabiliti

Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan di atas sebarang kerugian atau kerosakan termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan punca pendapatan, keuntungan, nama baik, secara langsung atau tidak langsung, secara sampingan, akibat, contoh, punitif atau ganti rugi khas mana-mana pihak termasuk pihak-pihak ketiga, yang mungkin timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang ditanggung berhubung Kempen ini atau Bank melaksanakan hak-haknya mengikut mana-mana terma dan syarat ini, melainkan dan kecuali kerugian dan kerosakan yang sedemikian adalah disebabkan secara langsung oleh kecuaiian melampau, keingkaran atau penipuan dengan sengaja oleh Bank.

#### 8. Umum

- 8.1 Anda dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat di sini dan Terma dan Syarat Umum yang terdapat melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my). kerana penyertaan anda dalam Kempen ini menunjukkan penerimaan anda terhadap terma dan syarat ini dan Terma dan Syarat Umum.
- 8.2 Kempen ini tidak sah dengan mana-mana promosi Bank yang lain. Tiada kadar khas, tambahan atau keutamaan lain akan diberikan di bawah Kempen ini.
- 8.3 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.4 Bank berhak, pada bila-bila masa untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.5 Bank berhak untuk mengubah, meminda, memadam atau menambah kepada mana-mana terma dan syarat yang ditetapkan di sini, sepenuhnya atau sebahagian, dari semasa ke semasa, termasuk untuk mengubah Tempoh Kempen dengan memberi Notis Terdahulu.
- 8.6 Sebarang notis yang akan diberikan oleh Bank akan dipaparkan di laman sesawang rasmi Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) atau dipaparkan di cawangannya, dan sebarang notis yang sedemikian akan dianggap telah diberikan apabila ia dipaparkan di laman sesawang rasminya atau cawangannya, yang mana lebih dahulu.
- 8.7 Kecuali dinyatakan sebaliknya, terma dan syarat ini akan kekal mengatasi mana-mana peruntukan lain dan/atau representasi yang terkandung dalam mana-mana notis/bahan pengiklanan lain untuk Kempen ini.
- 8.8 Keputusan Bank dalam semua hal berkaitan ketersediaan Kempen adalah muktamad dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak yang mengambil bahagian.
- 8.9 Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang keingkaran berkaitan Kempen akibat sebarang bencana alam, peperangan, rusuhan, mogok, penyekatan, tindakan industri, kebakaran, banjir, kemarau, ribut taufan, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang peristiwa yang berlaku di luar kawalan munasabah Bank.
- 8.10 Semua Terma dan Syarat Kempen yang ditetapkan di sini adalah ditadbir dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan apa-apa pertikaian undang-undang hendaklah dimulakan dan didengar di mahkamah di Malaysia.
- 8.11 Pelanggan yang Layak dikehendaki untuk log masuk ke laman sesawang korporat Bank melalui [www.ambank.com.my](http://www.ambank.com.my) untuk terma dan syarat terkini serta maklumat terkini Kempen, jika ada.
- 8.12 Untuk sebarang bantuan/maklum balas bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak boleh menghubungi Pusat Panggilan AmBank di 603-2178 8888 atau menghantar e-mel bagi pertanyaan/maklum balas ke [customercare@ambankgroup.com](mailto:customercare@ambankgroup.com).